SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN RASMI

PERINGATAN BERHUBUNG ETIKA DAN TATACARA KEMPEN PILIHAN RAYA PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy) 2026

1. Tempoh kempen Pilihan Raya Parlimen Belia Malaysia (PBMy) 2026 berlangsung dari 15 Oktober 2026 hingga 31 Oktober 2026. Sehubungan itu, Sekretariat PBMy mengingatkan semua parti yang bertanding agar memastikan aktiviti kempen dilaksanakan secara berhemah, beretika dan bertanggungjawab.

2. PBMy bukan sahaja merupakan platform penyertaan dan kepimpinan belia, malah berperanan sebagai medan pendidikan demokrasi bagi membudayakan amalan politik yang matang, sihat dan berintegriti dalam kalangan generasi muda.

3. Semua parti, calon dan ahli yang terlibat diingatkan supaya memberikan perhatian terhadap perkara-perkara berikut:
   i. Mengamalkan kempen yang berhemah dan profesional dengan memberikan tumpuan kepada manifesto, dasar, idea serta cadangan yang memberi manfaat kepada pembangunan belia dan negara.
   ii. Mengelakkan provokasi, fitnah, penghinaan, serangan peribadi atau kenyataan yang boleh mencetuskan permusuhan, sama ada melalui media sosial mahupun platform komunikasi yang lain.
   iii. Menghormati perbezaan pandangan dan persaingan antara parti serta mengamalkan budaya perdebatan yang matang dan berasaskan fakta.
   iv. Memastikan kenyataan dan maklumat yang disebarkan adalah tepat dan bertanggungjawab, serta tidak mengelirukan orang awam atau menjejaskan reputasi mana-mana pihak melalui dakwaan yang tidak berasas.
   v. Tidak membangkitkan isu sensitif berkaitan agama, kaum dan institusi diraja (3R) yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.
   vi. Menguruskan pertikaian dalaman parti secara profesional dan mengelakkan penggunaan platform awam bagi mencetuskan konflik yang boleh menjejaskan kelancaran proses pilihan raya.

4. Presiden dan kepimpinan setiap parti dimohon untuk memanjangkan peringatan ini kepada semua calon dan ahli parti masing-masing serta memastikan setiap aktiviti kempen dilaksanakan selaras dengan prinsip dan objektif penganjuran PBMy.

5. Sekiranya terdapat aduan berkaitan salah laku sepanjang tempoh kempen, pihak yang terlibat boleh mengemukakan aduan rasmi berserta bukti yang berkaitan kepada Sekretariat PBMy untuk penelitian dan tindakan sewajarnya

6. Sekretariat PBMy menegaskan bahawa persaingan dalam pilihan raya merupakan sebahagian daripada proses demokrasi, namun perbezaan pendapat tidak seharusnya membawa kepada permusuhan. Semua pihak diseru agar menjadikan Pilihan Raya PBMy 2026 sebagai contoh amalan demokrasi yang matang, inklusif dan berintegriti.

SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
Parlimen Malaysia
16 Oktober 2026